

# HADIS-HADIS PALSU

*dalam*

# Mustadrak al-Hakim

---

MUHAMMAD MUSTAQIM MOHD ZARIF

---



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

HADIS-HADIS PALSU  
*dalam*  
Mustadrak al-Hakim

HADIS-HADIS PALSU  
*dalam*  
Mustadrak al-Hakim  

---

MUHAMMAD MUSTAQIM MOHD ZARIF



Penerbit  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
Negeri Sembilan  
**2011**

**CETAKAN PERTAMA 2011**

© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Penerbit USIM

**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai

Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel:06-798 8226/6081 Faks:06-798 6083

<http://penerbit.usim.edu.my>

[pej.penerbitan@usim.edu.my](mailto:pej.penerbitan@usim.edu.my)

Penerbit USIM adalah anggota

**MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA**

Dicetak di Malaysia oleh:

**CARD INFORMATION SDN. BHD.**

49, Jalan 31/10A

Taman Perindustrian IKS, Mukim Batu

68100 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel : 03-6185 4008 Faks: 03-6187 4008

[cisb4@yahoo.com.my](mailto:cisb4@yahoo.com.my)

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Muhammad Mustaqim Mohd Zarif

Hadis-hadis palsu dalam Mustadrak al-Hakim / Muhammad Mustaqim Mohd Zarif.

Mengandungi indeks

Bibliografi: ms. 145

ISBN 978-967-5295-78-2

1. Hadith--Criticism, interpretation, etc. 2. Hadith--Hermeneutics.

I. Judul.

297.124

# HADIS-HADIS PALSU *dalam* Mustadrak al-Hakim



## KANDUNGAN

<b>PRAKATA</b>	<b>ix</b>
<b>PENDAHULUAN</b>	<b>xi</b>
<b>FASAL 1: HADIS-HADIS PALSU BERKAITAN FIQH DAN HUKUM-HAKAM</b>	<b>15</b>
Bab Solat	15
Bab Haji	17
Bab Berjual Beli	18
Bab Perkahwinan	20
Bab Hukum-Hakam	21
Bab Makanan	22
Bab Pakaian	25
Bab Hukuman Jenayah	25
<b>FASAL 2: HADIS-HADIS PALSU BERKAITAN AL-QURAN, ADAB DAN NASIHAT</b>	<b>29</b>
Bab Kelebihan Al-Quran	29
Bab Tafsir Al-Quran	30
Bab Taubat dan Kembali Kepada Allah	37
Bab Adab	37
Bab Melembutkan Hati	38
<b>FASAL 3: HADIS-HADIS PALSU BERKAITAN ILMU, DOA, PERUBATAN, SERTA KEKACAUAN DAN HURU-HARA</b>	<b>45</b>
Bab Ilmu	45
Bab Doa	46
Bab Perubatan	47
Bab Kekacauan dan Huru-Hara	48

<b>FASAL 4: HADIS-HADIS PALSU BERKAITAN SEJARAH PARA NABI (1)</b>	<b>57</b>
<hr/> Bab Sejarah Para Nabi <hr/>	57
➤ Nabi Nuh a.s.	57
➤ Nabi Idris a.s.	59
➤ Nabi Isma'il Ibn Ibrahim a.s.	61
➤ Nabi Ishaq Ibn Ibrahim a.s.	62
➤ Nabi Hud a.s.	64
➤ Nabi Yusuf Ibn Ya'qub a.s.	65
➤ Nabi Musa Ibn 'Imran Dan Harun Ibn 'Imran a.s.	65
➤ Nabi Ayyub a.s.	68
➤ Nabi Sulaiman Ibn Dawud a.s.	69
➤ Nabi 'Isa Ibn Maryam a.s.	70
 <b>FASAL 5: HADIS-HADIS PALSU BERKAITAN SEJARAH PARA NABI (2)</b>	 <b>73</b>
<hr/> Bab Sejarah Para Nabi (Sambungan) <hr/>	73
➤ Nabi Muhammad Ibn 'Abdullah SAW <hr/>	73
Bab Hijrah <hr/>	82
Bab Peperangan di Zaman Nabi SAW <hr/>	84
 <b>FASAL 6: HADIS-HADIS PALSU BERKAITAN SAHABAT (1)</b>	 <b>87</b>
<hr/> Bab Mengenal Sahabat <hr/>	87
➤ Abu Bakar Ibn Abu Qahafah	87
➤ 'Umar Ibn Al-Khattab	89
➤ 'Uthman Ibn 'Affan	92
➤ Fatimah Bint Muhammad SAW	95
 <b>FASAL 7: HADIS-HADIS PALSU BERKAITAN SAHABAT (2)</b>	 <b>101</b>
<hr/> Bab Mengenal Sahabat (Sambungan) <hr/>	101
➤ 'Ali Ibn Abu Talib	101

<b>FASAL 8: HADIS-HADIS PALSU BERKAITAN SAHABAT (3)</b>	<b>119</b>
<u>Bab Mengenal Sahabat (Sambungan)</u>	119
➤ Al-Hasan Dan Al-Husain Ibn ‘Ali	119
➤ Ja‘far Ibn Abu Talib	121
➤ Zaid Ibn Harithah	122
➤ Muhammad Ibn ‘Iyad Al-Zuhri	122
➤ ‘Utbah Ibn Ghazawan	123
➤ Mu‘az Ibn Jabal	124
➤ Al-‘Abbas Ibn Abdul Muttalib	126
➤ Abdullah Abu ‘Abs Ibn Jabar Al-Ansari	127
➤ Suhaib Ibn Sinan Pembantu Rasulullah SAW	128
➤ Uwais Ibn ‘Amir Al-Qarni	129
<b>FASAL 9: HADIS-HADIS PALSU BERKAITAN SAHABAT (4)</b>	<b>131</b>
<u>Bab Mengenal Sahabat (Sambungan)</u>	131
➤ Thawban Pembantu Rasulullah SAW	131
➤ Abdullah Ibn ‘Amr Ibn Al-‘As	132
➤ Abdullah Ibn Al-Zubair	133
➤ Rafi‘ Ibn Khadij	133
➤ Salamah Ibn Al-Akwa’	135
➤ Abdullah Ibn Ja‘far Ibn Abu Talib	136
➤ Qurrah Ibn Iyas Abu Mu‘awiyah Al-Muzani	137
➤ Abdullah Ibn Abdullah Ibn Ubai	138
➤ Wabisah Ibn Ma‘bad Al-Asadi	139
➤ Ruqayyah Bint Rasulullah SAW	139
➤ Kelebihan Bangsa Arab	140
<b>RUMUSAN</b>	<b>143</b>
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>145</b>
<b>GLOSARI ISTILAH</b>	<b>149</b>
<b>INDEKS</b>	<b>153</b>



## PRAKATA

Setinggi-tinggi pujian dan kesyukuran dihadapkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan bantuan-Nya jualah buku ini dapat diselesaikan penulisannya. Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada Penerbit USIM yang sudi menerima buku ini untuk diterbitkan, juga kepada Dr. Hishomudin Ahmad dan semua yang telah menyumbang secara langsung mahupun tidak langsung dalam merealisasikan penghasilannya.

Pada hakikatnya, buku ini merupakan kesinambungan kepada karya bertajuk *al-Hakim al-Naisaburi dan Metodologi Penulisan Hadis al-Mustadrak 'ala al-Sahihain* (USIM 2010). Sejumlah 135 hadis palsu yang terdapat dalam *Mustadrak al-Hakim* telah dikumpulkan dan dibincangkan secara ringkas dengan gaya bahasa yang mudah menerusi pandangan ulama yang berautoriti dalam bidang ini. Tujuannya memudahkan para pembaca dan pengkaji untuk mencari dan mengenal pasti hadis-hadis palsu yang terdapat dalam *Mustadrak* yang merupakan salah satu sumber hadis utama dalam Islam. Ini kerana, hadis palsu merupakan hadis yang langsung tidak berasas serta tidak berasal daripada Rasulullah SAW dan sama sekali tidak boleh dijadikan sumber penghujahan dalam segala aspek agama sekalipun.

Semoga buku ini dapat dimanfaatkan oleh para pembaca dan pencinta ilmu tanpa mengira latar belakang pengetahuan mereka dalam bidang hadis dan semoga ia menjadi sumbangan saya yang tidak seberapa dalam memartabatkan penyebaran ilmu-ilmu berteraskan warisan nabawi dalam kalangan masyarakat.

**DR. MUHAMMAD MUSTAQIM MOHD ZARIF**

Putra Nilai

Syawal 1431H/September 2010M



## PENDAHULUAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala puji hanyalah ditujukan kepada Allah; Tuhan semesta alam. Selawat dan salam ke atas utusan mulia Muhammad ibn Abdullah SAW serta seluruh ahli keluarga, sahabat dan pengikut baginda sehingga ke hari kiamat kelak.

*Mustadrak* karya al-Hakim al-Naisaburi (m. 405H) adalah salah sebuah sumber utama hadis nabawi dalam Islam. Penghasilannya khusus untuk mengumpulkan hadis-hadis yang bertepatan dengan syarat penerimaan hadis al-Bukhari dan Muslim tetapi tidak dimuatkan dalam *Sahihain*. Sesebuah hadis yang menepati syarat kedua-dua al-Bukhari dan Muslim akan diberikan status “sahih berdasarkan syarat al-Bukhari dan Muslim”, dan jika ia hanya menepati syarat salah seorang daripada mereka pula akan dilabelkan sebagai “sahih berdasarkan syarat al-Bukhari atau Muslim”. Di samping itu, al-Hakim turut memuatkan dalamnya hadis-hadis lain yang difikirkannya sah berdasarkan syaratnya sendiri. Hampir 9,000 buah hadis yang merangkumi keseluruhan aspek agama dimuatkan dalam *Mustadrak* dan ini menjadikannya salah sebuah sumber hadis terpenting yang dirujuk dan dijadikan sumber penghujahan oleh umat Islam sehingga hari ini.

Namun, al-Hakim tidak konsisten dalam menepati syarat yang telah dijanjikannya. Akibatnya, sejumlah besar hadis yang tidak sah turut termuat dalam *Mustadrak* termasuk hadis *hasan*, *da‘if* (lemah) dan *mawdu‘* (palsu). Perkara ini juga telah mengundang pelbagai kritikan daripada ulama hadis dan hampir-hampir menjejaskan kredibiliti al-Hakim sendiri sebagai ulama hadis (Muhammad Mustaqim 2010).

Kategori hadis yang paling dahsyat dimuatkannya ialah hadis *mawdu‘*. Ia bermaksud hadis palsu yang direka oleh golongan tertentu

dan dinisbahkan kepada Rasulullah SAW sebagai hadis nabi. Oleh itu, ia sebenarnya pembohongan yang tidak berasal daripada baginda dan dikategorikan oleh ulama sebagai hadis tertolak yang sama sekali tidak boleh dijadikan sumber penghujahan agama. Pelaku dan perawi yang sengaja memalsukan hadis mengundang kemurkaan Allah dan rasul-Nya dan menempah untuknya tempat khas dalam neraka di akhirat kelak.

Ulama Islam sejak daripada dahulu juga menganggap pemalsu hadis sebagai musuh agama yang perlu dibanteras dan mereka telah melaksanakan pelbagai usaha untuk menyekat penyebaran hadis palsu dalam kalangan masyarakat. Di samping itu, mereka turut menghasilkan sejumlah karya yang mengumpulkan dan membincangkan hadis-hadis palsu dalam pelbagai tajuk berkaitan agama selain karya khusus yang membincangkan hadis-hadis palsu dalam koleksi hadis tertentu. Selain memudahkan umat Islam mengenal pasti hadis-hadis palsu yang tersebar dalam masyarakat, ia juga merupakan medium yang efektif dalam menyekat pembohongan terhadap nabi daripada berleluasa.

Mengenai *Mustadrak* pula, al-Dhahabi (m. 748H) (1988, 17:175-176) telah mengumpulkan 100 buah hadis palsu dalam sebuah karya yang khusus. Sayangnya, tidak diketahui kewujudannya pada hari ini dan ia boleh dikategorikan sebagai karya yang telah hilang.


Walau bagaimanapun, menyedari akan kepentingannya, buku ini dikarang khusus untuk mengumpulkan semula hadis-hadis palsu dalam *Mustadrak* dan membincangkannya berdasarkan metodologi berikut:

- Mengumpulkan hadis-hadis palsu yang dikritik oleh ulama yang mengulas *Mustadrak* secara langsung iaitu al-Dhahabi, Ibn Mulaqqin (m. 804H) serta ulama lain.
- Membentangkan matan hadis dalam bahasa Arab diikuti terjemahannya dalam bahasa Melayu tanpa menyebut sanadnya.
- Ini diikuti ulasan status hadis tersebut oleh al-Hakim (sekiranya ada) serta kritikan oleh al-Dhahabi dan ulama lain.
- Membincangkan status hadis tersebut dan sebab kepalsuannya secara ringkas. Rujukan terhadap senarai karya turut disertakan untuk tujuan verifikasi lanjut sekiranya diperlukan.

Sesebuah hadis dihukumkan palsu berdasarkan salah satu atau kedua-dua aspek sanad dan matannya. Dalam kebanyakan keadaan,

sekiranya terdapat perawi yang berdusta atau memalsukan hadis dalam sesebuah sanad dan ia bertanggungjawab memalsukan matannya, maka hadis tersebut dihukumkan sebagai palsu dari kedua-dua aspek sanad dan matannya. Walau bagaimanapun, terdapat juga keadaan di mana hanya sanad hadis tersebut menjadi palsu disebabkan wujudnya perawi pendusta sedangkan matannya tidak, maka perkara ini turut dinyatakan dalam buku ini dan rujukan ringkas terhadap sumber matannya yang lain akan turut diberikan.

Sejumlah 135 buah hadis palsu yang dibahagikan kepada 9 bab berdasarkan kesesuaian tajuk telah berjaya dikumpulkan dan dibincangkan dalam buku ini. Ia berlandaskan pandangan ulama hadis yang dianalisis semula berdasarkan sumber-sumber rujukan dalam bidang *al-jarh wa al-ta'dil* dan ilmu-ilmu berkaitan. Mungkin juga terdapat lagi hadis-hadis palsu dalam *Mustadrak* selain perkara yang dibincangkan di sini yang langsung tidak diulas oleh ulama. Ini memerlukan pengkajian dan penelitian lain yang lebih khusus yang berada di luar skop penulisan ini.



## RUMUSAN

Sebagai sebuah koleksi yang mengumpulkan hadis-hadis sahih, *Mustadrak* tidak seharusnya mengandung hadis-hadis palsu dan tidak berasas yang langsung tidak boleh dijadikan sumber dan sandaran dalam agama. Walau bagaimanapun, akibat kecuaiannya dan keringanan al-Hakim, sejumlah hadis palsu telah dimuatkan dalamnya, selain hadis-hadis *hasan*, lemah, terlalu lemah dan sebagainya.

Menariknya, kebanyakan hadis palsu ini dilabelkan oleh al-Hakim sebagai sahih dan ada juga yang dihukumkan sebagai sahih berdasarkan syarat al-Bukhari dan Muslim. Namun, berdasarkan komentar al-Dhahabi, Ibn al-Mulaqqin dan sebagainya yang mengulas *Mustadrak* secara khusus, ternyata bukan semua hadis tersebut sahih, bahkan sebilangan daripadanya juga dikategorikan sebagai hadis palsu atau dusta.

Daripada 135 hadis palsu yang dibincangkan, sebahagian besar daripadanya iaitu kira-kira 66 buah hadis adalah berkaitan fadilat, sejarah dan kelebihan Sahabat r.a. Daripada jumlah ini pula, 24 daripadanya merupakan hadis mengenai kelebihan 'Ali ibn Abu Talib r.a. yang dikumpulkan dalam fasal yang khusus. Krisis kepimpinan umat Islam selepas Rasulullah SAW telah menyebabkan sebahagian penyokong fanatik kumpulan tertentu seperti Syi'ah dan sebagainya mengeksploitasi dan mengagung-agungkan tokoh tertentu menerusi penyebaran hadis-hadis palsu sebagai simbol legitimasi serta kuasa politik dan agama. Jika hadis-hadis ini dicampurkan dengan hadis berkaitan sejarah para nabi, ia mencapai 89 buah hadis atau 66% daripada jumlah keseluruhan hadis palsu yang terkandung dalam buku ini. Selebihnya pula merangkumi pelbagai aspek berkaitan agama seperti fiqah dan hukum-hakam, kelebihan dan tafsiran al-Quran, adab, nasihat, perubatan serta kekacauan dan huru-hara.

Walau bagaimanapun, penting diingat bahawa mungkin terdapat lagi sejumlah hadis palsu dalam *Mustadrak* yang langsung tidak diulas oleh al-Hakim, al-Dhahabi dan ulama lain secara khusus dan tidak dimuatkan dalam buku ini. Perkara ini terutamanya dapat dilihat dengan jelas pada bab-bab berkaitan sejarah para nabi dan kelebihan Sahabat yang merangkumi jumlah hadis dalam kuantiti yang besar dan kebanyakan daripadanya tidak diulas langsung oleh al-Hakim, al-Dhahabi dan sebagainya. Seharusnya ia menjadi fokus para ilmuwan dan pengkaji untuk pengkajian seterusnya dan memberikannya status yang bersesuaian.



## BIBLIOGRAFI

- al-'Asqallani, Ibn Hajar. t.th.[a] *al-Isabah fi Tamyiz al-Sahabah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- \_\_\_\_\_. 2002. *Lisan al-Mizan*. Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- \_\_\_\_\_. 1907. *Tahdhib al-Tahdhib*. Hyderabad: Da'irah al-Ma'arif al-Nizamiyyah.
- \_\_\_\_\_. t.th.[b] *Taqrib al-Tahdhib*. Dar al-'Asimah.
- al-'Attar, Sidqi Jamil, peny. 2001. *Kifayah al-Hajah fi Sharh Sunan Ibn Majah (Hashiyah al-Sindi)*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. 1979. *Irwa' al-Ghalil fi Takhrij Ahadith Manar al-Sabil*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- \_\_\_\_\_. 1988. *Sahih wa Da'if al-Jami' al-Saghir wa Ziyadatih*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- \_\_\_\_\_. 1992-. *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah wa Atharaha al-Sayyi' fi al-Ummah*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- \_\_\_\_\_. 1995. *Silsilah al-Ahadith al-Sahihah wa Shai' min Fiqhiha wa Fawa'idiha*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- al-Dhahabi, Shams al-Din. 1987. *al-Mughni fi al-Du'afa'*. Qatar: Idarah Ihya' al-Turath al-Islami.
- \_\_\_\_\_. 1967. *Diwan al-Du'afa' wa al-Matrukin wa Khalq min al-Majhulin wa Thiqaat fihim Layyin*. Mekkah: Matba'ah al-Nahdah al-Hadithah.
- \_\_\_\_\_. t.th.[a] *Mizan al-I'tidal fi Naqd al-Rijal*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

- \_\_\_\_\_. 1988. *Siyar A'lam al-Nubala'*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- \_\_\_\_\_. t.th.[b] *Talkhis al-Mustadrak*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- \_\_\_\_\_. 1994. *Tartib al-Mawdu'at*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Haithami, Nur al-Din 'Ali. 1991. *Majma' al-Zawa'id wa Manba' al-Fawa'id*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Hakim, Abu 'Abdullah al-Naisaburi. t.th. *al-Mustadrak 'ala al-Sahihain*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn 'Adi, Abu Ahmad Abdullah al-Jurjani. 1984. *al-Kamil fi Du'afa' al-Rijal*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn 'Arraq, Abu al-Hasan 'Ali ibn Muhammad. 1981. *Tanzih al-Shari'ah al-Marfu'ah 'an al-Akhbar al-Shani'ah al-Mawdu'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Athir, Ali ibn Muhammad al-Jazari. 1994. *Usud al-Ghabah fi Ma'rifah al-Sahabah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Jawzi, Abdul Rahman ibn 'Ali. 1997. *Kitab al-Mawdu'at min al-Ahadith al-Marfu'at*. Riyadh: Maktabah Adwa' al-Salaf.
- Ibn al-Mulaqqin, Siraj al-Din 'Umar ibn 'Ali. 1990. *Mukhtasar Istidrak al-Hafiz al-Dhahabi 'ala Mustadrak Abi 'Abdillah al-Hakim*. suntingan Sa'ad ibn 'Abdullah ibn 'Abdul 'Aziz Al al-Humayyid. Riyadh: Dar al-'Asimah.
- Ibn Hibban, Muhammad ibn Ahmad al-Busti. 2000. *Kitab al-Majruhin min al-Muhaddithin*. Riyadh: Dar al-Sumai'i.
- Ibn Kathir, 'Imad al-Din Isma'il ibn 'Umar al-Dimashqi. 2004. *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Lubnan: Bait al-Afkar al-Dawliyyah.
- Ibn Taimiyyah, Taqi al-Din Ahmad. 1998. *Majmu'ah al-Fatawa*. Riyadh: Maktabah al-'Ubaikan.
- \_\_\_\_\_. 1986. *Minhaj al-Sunnah al-Nabawiyah*. Riyadh: t.pt.
- al-Kattani, Muhammad ibn Ja'far. 1983. *Nazm al-Mutanathir min al-Hadith al-Mutawatir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- al-Khairabadi, Muhammad Abullais. *Mu'jam al-Mustalahat al-Hadithiyyah*. Selangor: Darul Syakir, 2004.
- al-Khatib al-Baghdadi, Ahmad ibn 'Ali. 2001. *Tarikh Madinah al-Salam (Baghdad)*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- al-Laknawi, Abdul Hayy ibn Muhammad Abdul Halim. 1984. *al-Athar al-Marfu'ah fi al-Akhbar al-Mawdu'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Mizzi, Jamal al-Din Yusuf. 1983. *Tahdhib al-Kamal fi Asma' al-Rijal*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Mubarakfuri, Muhammad Abdul Rahman. 2001. *Tuhfah al-Ahwadhi bi Sharh Jami' al-Tirmidhi*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. 2010. *al-Hakim al-Naisaburi dan Metodologi Penulisan Hadis al-Mustadrak 'ala al-Sahihain*. Nilai: Penerbit USIM.
- al-Nasa'i, Ahmad ibn Shuaib. t.th. *Sunan al-Nasa'i bi Sharh al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti wa Hashiyah al-Imam al-Sindi*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- al-Razi, Abdul Rahman ibn Abu Hatim. 1953. *Kitab al-Jarh wa al-Ta'dil*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Sakhawi, Muhammad ibn Abdul Rahman. 1979. *al-Maqasid al-Hasanah fi Bayan Kathir min al-Ahadith al-Mushtahirah 'ala al-Alsinah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Shawkani, Muhammad ibn 'Ali. 1995. *al-Fawa'id al-Majmu'ah fi al-Ahadith al-Mawdu'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Suyuti, Jalaluddin Abdul Rahman. t.th. *al-Lalali' al-Masnu'ah fi al-Ahadith al-Mawdu'ah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Zaila'i, Jamaluddin Abu Muhammad. 1997. *Nasb al-Rayah li Ahadith al-Hidayah*. Beirut: Mu'assasah al-Rayyan.



## GLOSARI ISTILAH

- al-jarh wa al-ta'dil*: Satu cabang ilmu yang membicarakan latar belakang, integriti dan status perawi hadis sama ada diterima ataupun ditolak periwayatan mereka.
- batil (hadis): Hadis yang tidak berasas atau palsu.
- da'if* (hadis): Hadis yang tidak menepati syarat-syarat hadis sahih dan *hasan*. Juga dikenali sebagai hadis lemah.
- da'if* (perawi): Perawi lemah yang tidak menepati salah satu kriteria penerimaan perawi.
- gharib* (hadis): Hadis riwayat seorang perawi tertentu sahaja pada mana-mana peringkat sanad.
- hasan* (hadis): Hadis yang menepati kesemua syarat hadis sahih melainkan pada aspek *dabt* (pemeliharaan hadis), iaitu terdapat salah seorang perawinya yang kurang integriti hafalannya berbanding perawi hadis sahih.
- hasan gharib* (hadis): Hadis *hasan* yang terdapat pada sanadnya seorang perawi tunggal yang meriwayatkannya.
- Laysa bi qawiyy*: Perawi yang statusnya tidak terlalu lemah. Hadisnya boleh ditulis (diriwayatkan) dan dipertimbangkan.

- majhul*: Perawi yang tidak dikenali dirinya dan tidak diketahui kebolehpercayaannya dalam periwayatan hadis.
- majhul al-hal*: Perawi yang dikenali namanya, namun tidak diketahui kebolehpercayaannya dalam periwayatan hadis.
- matan: Teks dan isi kandungan sesebuah hadis.
- matruk* (perawi): Perawi yang dituduh berdusta, memalsukan hadis dan banyak melakukan kesilapan dalam periwayatan atau meriwayatkan hadis lemah daripada perawi *thiqah*.
- mawdu'* (hadis): Hadis palsu atau dusta yang dinisbahkan kepada Rasulullah SAW.
- mudallis*: Perawi yang bertanggungjawab melakukan *tadlis* pada sanad sesebuah hadis.
- munkar* (hadis): Hadis yang terdapat pada sanadnya perawi yang terlalu lemah, atau hadis yang diriwayatkan oleh perawi lemah yang bercanggah dengan perawi *thiqah*.
- mutawatir* (hadis): Hadis yang diriwayatkan oleh sejumlah perawi yang ramai di setiap peringkat sanadnya sehinggakan mustahil untuk mereka berdusta.
- Muzlim* (sanad): Sanad sesebuah hadis yang berstatus lemah dan terdapat padanya seorang atau lebih perawi yang tidak dikenali (*majhul*).
- saduq* (perawi): Perawi yang benar sahaja dalam percakapan dan periwayatannya. Namun, statusnya lebih rendah daripada perawi *thiqah*.
- sahih (hadis): Hadis yang menepati kesemua lima syarat penerimaan hadis iaitu kesinambungan sanad, integriti personaliti perawi, integriti hafalan perawi, tidak bertentangan dengan hadis lain

dan tiada kecacatan tersembunyi yang boleh merosakkan statusnya.

- Sahihain:* Dua koleksi hadis sahih utama iaitu *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*.
- sanad: Rantainya perawi-perawi yang membentuk salasilah periwayatan sesebuah hadis.
- Tabi‘in: Generasi awal Muslim yang sempat bertemu dengan Sahabat r.a. dan meninggal dunia dalam keadaan Islam.
- tadlis:* Menyembunyikan kecacatan yang terdapat pada sesebuah sanad dan menzahirkan seolah-olah ia sempurna. Ia terbahagi kepada tiga jenis iaitu *tadlis al-isnad*; *tadlis al-taswiyah*; dan *tadlis al-shuyukh*. Dari segi hukum, perbuatan ini dikeji oleh ulama dan ia digambarkan sebagai hampir kepada penipuan.
- thiqah* (perawi): Perawi yang boleh dipercayai, berintegriti dalam personaliti dan hafalannya, serta boleh diterima dalam aspek periwayatan.



## INDEKS

- Abu Ahmad al-Hakim 32, 126
- Abu Dawud 22, 30, 35-36, 47-48, 91, 117, 120, 139
- Abu Hatim 16-17, 20-24, 35, 38, 41, 45, 51, 56, 83-84, 88, 99, 104, 121, 124
- Abu Ja'far al-Mansur 32, 126
- Abu Zur'ah 16, 24, 34, 38, 46, 48, 54, 84, 115
- Ahlul Bait 50, 82, 96
- Ahmad ibn Hanbal 22-23, 32, 34, 36, 40, 47-48, 59, 114-15, 133, 141
- Ahmad ibn Salih 30, 32, 36
- Albani (al-) 16, 18, 25, 27, 30, 37-38, 40-43, 48-49, 51, 75-76, 92, 106, 108, 116-17, 121, 124
- 'Ali ibn al-Madini 15-16, 22, 24, 42, 56
- Ansar 91, 112
- Arafah 17
- 'Arasy 74-75
- Auza'i (al-) 54
- Bani Hashim 50, 124
- Bani Umayyah 33
- batil (hadis) 33, 37, 40, 69, 76, 83, 96, 104-5, 107, 116-17, 121, 124, 132, 138, 149
- dabbah al-ard 55
- da'if 11, 22, 43, 53, 74, 100, 121-23, 149
- Dajal 27, 105
- Dar (al-) al-Qutni 16, 34, 36, 39, 41-42, 44, 46, 48, 54, 82, 84, 88, 94, 96-97, 100, 105, 123-24, 139
- fasik 41
- gharib (hadis) 16, 125, 132, 149
- hasan (hadis) 11, 25, 106, 119, 125, 132, 143, 149
- hasan gharib (hadis) 132, 149
- Ibn 'Adi 18, 21, 24, 26, 36, 39-40, 44, 47-48, 51, 60, 82, 88, 91, 94, 101-2, 104-7, 111, 138-39, 146
- Ibn al-Jawzi 42, 47-49, 54, 89, 93-94, 98-99, 106-7, 117, 141, 146
- Ibn al-Mubarak 18
- Ibn Hibban 16, 18, 20, 23, 25-27, 32, 35-44, 47-48, 54, 56, 59, 76, 84, 86, 91-93, 97, 104-6, 115, 117, 121, 126, 132, 137-38, 141, 146

Hadis-hadis Palsu dalam Mustadrak al-Hakim

- Ibn Kathir 21, 78, 90, 113, 146
- Ibn Khuzaimah 30, 115, 135
- Ibn Majah 90, 145
- Ibn Sirin 49
- Ibn Taimiyyah 76, 83, 96, 106, 113, 146
- Ibn 'Uyainah 18
- Imam Mahdi 53, 121
- Iraq 105
- Israk dan Mikraj 98
- jambul 126
- jarh (al-) wa al-ta'dil 13, 149
- Jawzajani (al-) 18, 27, 30, 42-43, 48, 117, 141
- jin 69
- Kaabah 52
- Khatib (al-) al-Baghdadi 40, 89, 121, 127, 147
- Kiamat 11, 17, 36, 48-49, 55-56, 58, 63, 84, 89-90, 94, 96, 128
- Kufah 91, 97, 102
- kusta 47
- Laysa bi qawiyy 20, 149
- Madinah 81-82, 85, 120, 133, 135, 147
- majhul (perawi) 22, 37-38, 82, 98, 129, 145, 150
- Malaiikat 58, 63, 67, 79, 124
- Malik ibn Anas 30
- Marw 34
- Marwan ibn al-Hakam 51
- matan 12-13, 15-18, 25-26, 29-30, 32-33, 36, 39-41, 49-50, 52, 54, 56, 60-61, 73, 78, 83-84, 90, 92, 95-99, 106-14, 120-24, 129, 132, 134, 138, 140, 142, 150
- matruk (perawi) 16, 54, 98, 108, 114, 119, 131, 133, 137, 141, 145, 150
- Mekah 81-83, 85, 134
- mudallis 108, 150
- Muhajirun 128
- Munafik 109, 141
- munkar (hadis) 21, 38-39, 54, 56, 82, 92-93, 107, 121, 123, 132, 138, 150
- mutawatir 106, 124, 146, 150
- muzlim (sanad) 30, 60, 123, 129, 150
- Nasa'i (al-) 17, 32, 42, 48, 51, 54, 104, 115, 141, 147
- Nasrani 42, 70
- neraka 12, 21, 58-59, 64, 74, 123
- pemalsu (hadis) 12, 15-16, 18, 22-24, 26, 30, 32, 34-36, 40, 42, 46, 48, 53, 82, 84, 86, 88, 93-94, 100-1, 104, 106, 109-11, 114, 119, 124, 126-27, 131, 139, 141-42
- pencuri (hadis) 36, 88, 133-35
- pendusta 13, 15-16, 18-19, 21, 24, 27, 30-32, 34-36, 40, 42-43, 46-48, 51, 53, 56, 59-61, 64-66, 68-69, 71, 73-74, 84, 87-88, 90-91, 96-97, 99, 101-5, 109-11, 114-17, 119-20, 122-24, 126-27, 131, 133-135, 137-42

## Indeks

- penglipur lara 59  
Peperangan Siffin 129  
Perang Khandak 84  
saduq (perawi) 74, 98, 150  
Sahabat 11, 63, 81, 83, 108, 120, 124, 140, 143-44  
sahih (hadis) 11, 15-17, 19-27, 29-30, 33, 35-41, 43, 45-46, 49, 51, 56, 74-78, 83, 90-96, 99, 103, 105-6, 108-11, 113-16, 118-22, 124, 127, 141, 143, 145-47, 149-50  
Sahihain 9, 11, 15, 19-22, 24-25, 27, 29, 35-40, 43, 46, 49, 51, 74-75, 77, 91, 93, 95-96, 99, 103, 105, 108-11, 113-14, 118-19, 121-22, 146-47, 151  
Saji (al-) 36, 41-42, 47, 84, 91, 139  
Sanaa' 107  
serban 25  
Syaitan 23, 69  
Syi'ah 50-51, 56, 84, 86, 105, 107-8, 111, 130, 137, 143  
syurga 47, 59, 63, 74, 90, 93, 95-98, 108, 121, 128-29, 137, 140-41  
Tabari (al-) 19-20, 106, 113  
Tabi'in 33, 56, 99, 151  
tadlis 56, 74, 123, 138, 150-51  
tajalli 89  
taklif 123  
Taurat 64, 81  
thiqah (perawi) 17-18, 20-21, 37-38, 40, 42, 46, 48, 51, 54, 79, 82-83, 93, 97-99, 105, 107, 117, 121, 123, 132, 136, 150-51  
Tirmidhi (al-) 17, 132, 147  
'Uqaili (al-) 22, 39-40, 105, 114, 121, 131  
Yahudi 42, 64, 81  
Yahya ibn Ma'in 17, 23-24, 27, 30, 34, 36, 40, 44, 47-48, 51, 59, 91-92, 99, 103-5, 115, 117, 126, 131, 133, 137, 142  
Yaman 51, 60, 64, 66, 68, 71, 79, 140  
Zaila'i (al-) 15, 147  
zindik 17, 32  
Zubaidi (al-) 54



## **HADIS-HADIS PALSU** *dalam* Mustadrak al-Hakim

Sebagai sumber hadis sahih yang utama dalam Islam, Mustadrak al-Hakim sering menjadi rujukan umat Islam dalam urusan berkaitan agama. Walau bagaimanapun, selain hadis-hadis sahih, ia turut mengandungi sejumlah hadis lemah dan tidak berasas, termasuk hadis palsu (mawdu') yang dilabelkan sebagai sahih akibat kelalaian dan keringanan metode pengarangnya. Justeru, amatlah sukar untuk mengenal pasti antara hadis yang benar-benar sahih dan yang lemah atau palsu jika hanya berdasarkan kepada pandangan al-Hakim semata-mata dan tidak merujuk bersama ulasan ulama terhadapnya. Berbeza dengan hadis lemah, hadis palsu tidak boleh sama sekali dijadikan hujah agama. Pelaku dan perawi yang sengaja memalsukan hadis mengundang kemurkaan Allah dan rasul-Nya dan menempah untuknya tempat khas dalam neraka kelak. Menyedari akan bahayanya dan kesannya yang negatif terhadap umat Islam, buku ini bertujuan mengumpul dan membincangkan sejumlah 135 buah hadis palsu dalam pelbagai aspek agama yang terdapat dalam Mustadrak al-Hakim menerusi pandangan para ulama. Ditulis dengan gaya bahasa yang mudah dan ringkas, ia sesuai dirujuk dan dibaca oleh semua golongan masyarakat untuk mengenal pasti hadis-hadis palsu dalam Mustadrak dengan mudah dan cepat.

MUHAMMAD MUSTAQIM B. MOHD ZARIF berkecualan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Ilmu Wahyu dan Warisan Islam (pengkhususan Quran dan Sunnah) dan Sarjana dalam bidang yang sama daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau juga memperoleh ijazah PhD daripada University of Edinburgh, United Kingdom dalam bidang hadis dan pengajian manuskrip Melayu-Islam. Kini, beliau berkhidmat sebagai Pengarah, Pusat Pengajian Teras merangkap Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau juga aktif menghasilkan penulisan dan penyelidikan dalam pelbagai bidang berkaitan pengajian Quran dan Sunnah terutamanya pengajian hadis, manuskrip Melayu-Islam dan Braille al-Quran. Antara bukunya yang telah diterbitkan ialah Al-Hakim Al-Naisaburi dan Metodologi Penulisan Hadis Al-Mustadrak 'Ala Al-Sahihain.

28.00

ISBN 978-967-5295-78-2



9 789675 295782